

Indeks Harga Pengeluar Julai turun kepada negatif 2.3%

PETALING JAYA – Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Malaysia, yang mengukur harga barangan di pintu kilang, turun kepada negatif 2.3 peratus pada Julai 2023 berbanding negatif 4.8 peratus pada Jun 2023, menurut Jabatan Perangkaan.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Mohd. Uzir Mahidin mengulas, sektor perlombongan turun sebanyak negatif 10.8 peratus (Jun 2023: -16.6 peratus), disebabkan oleh penguncupan indeks pengestrakan petroleum mentah (-14.8 peratus).

“Sektor pembuatan menurun sebanyak negatif 2.1 peratus, disebabkan oleh indeks pembuatan kok dan produk petroleum bertapis (-11.7 peratus) serta pembuatan produk makanan (-8.9 peratus).

“Sementara itu, sektor pertanian, perhutanan dan perikanan mencatatkan peningkatan pertama pada 2023, meningkat 3.6 peratus selepas penurunan dua digit iaitu negatif 20.4 peratus pada Jun 2023 disebabkan oleh indeks pengeluaran ternakan (6.8 pe-

ratus) dan penanaman tanaman kekal (1.2 peratus).

“Bagi sektor utiliti, indeks bekalan air, bekalan elektrik dan gas masing-masing meningkat 3.1 peratus serta 0.1 peratus,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Menurut Jabatan Perangkaan, harga global minyak mentah Brent berlegar pada purata AS\$80/tong (RM372) pada Julai selepas mencapai purata AS\$75/tong (RM348) pada Jun 2023, menyumbang kepada kestabilan sektor perlombongan.

“Bekalan minyak mentah diunjurkan terus terhad apabila Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum dan ahli-ahlinya telah melaksanakan pengurangan pengeluaran.

“Berdasarkan *Taipei Times*, faktor lain seperti penurunan dalam eksport minyak mentah Russia, yang lebih rendah daripada jangkaan stok minyak mentah Amerika Syarikat dan Keluaran Dalam Negara Kasar China yang lemah pada suku tahun kedua menyumbang kepada kenaikan harga minyak mentah bulan ini,” katanya.